

GAMBUS DAN RAJANYA

GAMBUS MERUPAKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL YANG DIBAWA MASUK KE TANAH MELAYU OLEH PARA PEDAGANG ARAB DARI KEPULAUAN INDONESIA SEJAK AWAL ABAD KE-14. PADA AWALNYA, GAMBUS DIMAINKAN SEBAGAI HIBURAN UNTUK MASYARAKAT. WALAU BAGAIMANAPUN, PENDUDUK TEMPATAN TELAH MENIRU CARA UNTUK MENGGUNAKAN ALAT MUZIK TERSEBUT DAN KINI GAMBUS MENJADI ALAT MUZIK UTAMA BAGI SENI BUDAYA MELAYU, ARAB DI MALAYSIA. MISALNYA, DI JOHOR, GAMBUS DIGUNAKAN UNTUK MEMAINKAN MUZIK ZAPIN. GAMBUS DAPAT MENGHASILKAN IRAMA YANG MERDU KETIKA MENGIRINGI TARIAN ZAPIN.

Buku *Gambus Spesifikasi Dan Cara Bermain*, nukilan Raja Zulkarnain Raja Mohd. Yusof, mampu untuk membawa pembaca mengetahui dan mempelajari cara untuk memainkan alat muzik ini secara terperinci serta teknik yang akademik. Pengarang buku ini merupakan anak murid tokoh gambus tanah air, Padzil Ahmad. Buah tangan Raja Zulkarnain ini, yang mempunyai enam bab, diiktiraf sebagai buku seni terbaik dalam Anugerah Buku Negara 2017.



Untuk mempelajari cara untuk bermain gambus, pemain seharusnya mengenali bahagian yang terdapat pada alat muzik tersebut lebih dahulu. Bab pertama memberikan pendedahan kepada pemain mengenai struktur pada badan gambus. Menurut Raja Zulkarnain, terdapat empat bahagian pada gambus, iaitu badan, mangkuk, pemegang dan kotak kunci. Keempat-empat bahagian tersebut juga penting untuk difahami oleh pemain kerana hal ini menjadi satu daripada faktor untuk memilih gambus yang baik.

Gambus yang baik bukan sahaja berdasarkan corak yang menarik, tetapi pemain seharusnya memberikan perhatian terhadap beberapa perkara. Antara perkara yang harus dipertimbangkan, seperti yang dinyatakan dalam bab kedua, termasuklah yang pertama, rupa-berat kekuatan. Perkara yang kedua pula ialah ciri yang berkaitan dengan bunyi dan yang akhir sekali, tahap mudah penggunaannya. Dari segi penjagaan gambus pula, ada caranya.

Selain pengetahuan asas mengenai gambus, Raja Zulkarnain turut berkongsi maklumat tentang cara untuk menyimpan dan membawanya. Hal ini dikatakan demikian kerana mungkin sahaja faktor rupa bentuk dan bahan yang diperbuainya. Dari sudut penyimpanan, gambus seelek-oleknya disimpan di atas permukaan yang rata dan dilias dengan kain tebal yang lembut. Alat muzik ini perlu diletakkan dengan bahagian belakang menghadap ke atas di dalam bilik penyimpanan khas dengan suhu yang terkawal.

Bab ketiga menyatakan perihal keperluan, aturan, dan proses

melaras gambus. Terdapat pelbagai kualiti bunyi bagi sesetengah muzik, sama ada tebal ataupun nipis. Proses melaras dilakukan untuk mendapatkan nada yang diinginkan oleh pemain. Dalam proses ini, antara komponen yang terlibat termasuklah tali dan kunci laras untuk melaraskan tali sepanjang tali dipetik.


Di samping itu, pengarang buku ini menunjukkan cara untuk memegang kunci laras yang betul melalui grafik yang jelas. Raja Zulkarnain menyatakan bahawa terdapat dua cara untuk melaras kunci pada bahagian sebelah bawah kotak kunci. Cara itu ialah dengan menggunakan jari tengah sebagai penahan semasa melaras dan bahagian dalam tapak tangan membantu pemain menekan kunci laras ke dalam slot kunci.

Tali merupakan satu daripada komponen yang terdapat pada gambus. Untuk menghasilkan bunyi, tali perlu dipetik oleh pemain bagi mendapatkan getarannya. Pemasangan tali pada alat muzik ini pun ada aturannya yang tersendiri. Menurut pengarang, sebelum memasang tali, pemain harus memastikan supaya bahagian badan kunci laras yang bersentuhan pada slot kunci tidak berkilat. Kata pengarang lagi, penggunaan kapur dan sabun kering amat penting semasa persiapan terakhir sebelum tali dipasang. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan kedua-dua barang tersebut akan menyebabkan bahagian badan kunci laras menjadi kesat.

Kekerapan dan keadaan tali turut dititikberatkan oleh pengarang buku ini. Beliau menyatakan bahawa tali yang sudah putus tidak disarankan

untuk diikat bagi tujuan, penyambungan semula. Hal ini dikatakan demikian kerana gambus akan menghasilkan intonasi yang tidak sama apabila dilaraskan. Hal yang sedemikian juga berlaku pada satu daripada gandaan tali. Oleh itu, disarankan supaya pemain menggantikan tali yang putus itu dengan tali baharu.

Pemain perlu memegang gambus dengan kemas dan selesa, dan memastikan agar bahagian badan gambus tidak melurut ke hadapan. Raja Zulkarnain turut menunjukkan cara untuk memegang pemetik agar pemain dapat memegangnya dengan kaedah yang betul. Ibu jari dikatakan berfungsi sebagai penahan bagi mencegah pemetik menjadi terlalu menganjal ketika



Judul	: <i>Gambus Spesifikasi dan Cara Bermain</i>
Pengarang	: Raja Zulkarnain Raja Mohd. Yusof
Penerbit	: Dewan Bahasa dan Pustaka (2017)
Harga	: RM25.00

Arts & Literature - Music Industry

pg : 28 - 30

: 34 - 37

ctr. no = 0000275292

ART 2017 / A09

pemain memetik tali. Dengan membaca buku ini, pemain dapat mengetahui tertib bermain gambus. Pengetahuan tentang hal ini akan memberikan keselesaan kepada pemain ketika memainkan alat muzik itu.

Cara penggunaan jari dalam permainan gambus juga dipaparkan dalam buku ini. Menurut Raja Zulkarnain, terdapat beberapa gambaran yang menunjukkan cara kedudukan jari semasa memetik tali. Pemain harus menekan tali pada bahagian papan jari dengan menggunakan hujung jari sahaja dan bukan seluruh bahagian jari. Hal ini dilakukan bagi memberikan ruang agar tali bergetar dengan baik. Ketika jari kiri pemain menekan papan jari, pemain perlu juga melihat komposisi bahagian tangan kiri untuk mengelakkannya berasa tegang pada bahagian tangan kiri tersebut.

Buku *Gambus: Spesifikasi Dan Cara Bermain* turut menyertakan not muzik. Hal yang sedemikian ini dilakukan kerana pada pendapat pengarang buku ini, untuk mendapatkan pengetahuan asas yang kukuh, seseorang pemain itu perlu menguasai alat muzik dan prinsip penting dalam teori muzik. Pemain juga harus mempelajari

cara untuk mengira masa (tempoh) bunyi setelah pola titik nada muzik ditetapkan.

Karya penggiat seni gambus, yang juga anak kelahiran Johor ini, dilihat sangat bermanfaat kepada pembaca yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai alat muzik ini. Buku ini dapat dijadikan sebagai panduan asas kepada mereka yang beminat untuk memainkan alat muzik tradisional ini. Penjelasan yang disampaikan oleh pengarang mengenai cara untuk memainkan gambus cukup jelas. Raja Zulkarnain menyampaikan penjelasan tersebut dengan menggunakan ayat yang ringkas dan mudah difahami oleh pembaca. Cara atau kaedah untuk bermain gambus ditunjukkan dengan cukup jelas dan mengikut tertib serta berperingkat-peringkat. Misalnya, pengarang tidak terus menunjukkan cara untuk bermain gambus, tetapi beliau mengajak pembaca untuk menyelusuri sejarah dan mengenali struktur badan yang ada pada alat muzik tersebut.

Tambahan lagi, penjelasan yang disampaikan oleh pengarang juga disertai gambar yang jelas. Hal ini dilakukan bagi memudahkan pembaca untuk melihat cara permainan gambus yang betul

serta rupa bentuk alat muzik ini dengan sendiri. Pendedahan yang dipaparkan oleh buku ini memberikan kelebihan kepada pembaca itu sendiri kerana mereka mendapat gambaran yang jelas daripada pengarang.

Gambar yang dipaparkan pun bukan sahaja menunjukkan cara untuk memainkan gambus, malah disertai penjelasannya. Yang turut dipaparkan juga ialah kaedah permainan gambus yang salah yang tidak harus dilakukan oleh pembaca. Oleh itu, pembaca dapat mengetahui kaedah yang betul dan yang salah ketika menggunakan gambus dengan membaca buku ini.

Selain itu, gambar yang dipaparkan turut diberi petunjuk dengan label penomboran. Sebagai contoh, penjelasan mengenai kunci laras. Kunci laras terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian bawah dan atas. Oleh itu, pengarang menerangkan setiap kunci laras dengan jelasnya dengan cara meletakkan nombor sebagai petunjuk untuk menjelaskannya dengan lebih lanjut.

Not muzik turut disertakan dalam buku ini untuk pembacaan dan pemerhatian pembaca. Hal yang demikian dilakukan kerana pembaca dapat mengetahui simbol dan nama simbol setelah ditulis atas di paranada. Melalui not muzik juga, pembaca dapat belajar sendiri tentang cara untuk mengira masa (tempoh) bunyi. Buku ini juga merupakan satu-satunya buku alat muzik yang disertai not muzik.

Pemain perlu bersedia dengan minat dan ketekunan untuk membaca buku ini. *Gambus Spesifikasi dan Cara Bermain*, karya Raja Zulkarnain, atau dikenali juga sebagai Putera Oud, sememangnya cukup mudah untuk difahami dan dipelajari secara praktikal untuk mempelajari alat muzik gambus. **DB**



Raja Zulkarnain menunjukkan cara untuk bermain gambus.

WAHID BAHARI DAN KUMPULAN GEMA SARI: PENGGIAT KESENIAN KERONCONG KANCHONG DARAT

KESENIAN KERONCONG SUDAH TIDAK ASING LAGI DI KANCHONG DARAT, KAMPUNG TRADISIONAL YANG TERKENAL DI KUALA LANGAT, SELANGOR. INSAN SENI YANG MENDAMBAKAN DIRI KEPADA KESENIAN INI JALAH WAHID BAHARI. BELIAU PEMIMPIN KUMPULAN KERONCONG GEMA SARI YANG TERKENAL DAN SERING MENGADAKAN PERSEMBAHAN DI SELURUH NEGARA.

Kumpulan Gema Sari ditubuhkan pada tahun 2004 oleh Wahid. Beliau, yang dilahirkan pada tanggal 3 Februari 1949 di Kampung Kancong Darat, mula berkecimpung dalam bidang muzik sejak di bangku sekolah menengah lagi. Pada ketika itu, beliau bersama-sama rakan bergiat dalam kugiran. Kugiran pertama ditubuhkannya bersama-sama rakan yang menentangahkan lagu pop dan beberapa tahun kemudian, barulah bertukar kepada irama keroncong.

Wahid bertukar kepada irama keroncong kerana amat meminati irama ini. Katanya, irama keroncong begitu lembut dan sarat dengan ketenangan. Sewaktu ditubuhkan, Kumpulan Gema Sari terdiri daripada Yahya Osman (sudah meninggal dunia) selaku pemain cak dan cuk, Wahid sebagai pemain ukulele, Mohd. Salleh pemain biola, Mohd. Sepah pemain gitar, dan Jumi Misran pemain dabel bes dan selo. Dua orang penyanyi kumpulan ini ialah Mohd. Rais dan anak Mohd. Salleh, Yong.

Sepanjang berdirinya sebagai kumpulan seni muzik keroncong, Kumpulan Gema Sari mengadakan pelbagai persembahan di seluruh negara. Sekitar tahun 1960-an, kumpulan ini diberi kesempatan untuk mengadakan persembahan di kelab malam sekitar Kuala Lumpur, Klang dan Petaling Jaya. Pada sekitar tahun 1970-an, mereka beralih ke rumah kenduri dan pesta ria (*fun-fair*) selain menerima undang in organisasi kerajaan. Pada sekitar tahun 1980-an pula, kumpulan ini mengorak langkah ke hotel sekitar Kuala Lumpur, Shah Alam dan Petaling Jaya.

Antara penyanyi terkenal yang pernah diiringi oleh Kumpulan

Gema Sari termasuklah Dato' Ahmad Jais, Mariam Ahmad, Raftah Bacik, Samsudin Lamin, Daro' Malik Ridzuan, Alias Shah, Lela Shahrin dan Ana Rafali. Menurut Wahid, pada sekitar tahun 1970-an, kumpulan ini menerima bayaran antara RM700 hingga RM800 pada setiap kali persembahan. Namun demikian, kini bayaran itu bertambah melebihi RM2000 mengikut jarak ke tempat persembahan.

Bagi Wahid, muzik atau lagu merupakan satu daripada bentuk penggunaan bagi keperluan batin manusia yang tergolong dalam keperluan sekunder. Ketika mereka mengalami ketegangan atau tekanan perasaan setelah menyelesaikan sesuatu pekerjaan atau sedang mengalami masalah, mendengar muzik merupakan satu daripada usaha untuk melepaskan ketegangan. Muzik merupakan satu daripada bentuk hiburan yang cukup mudah untuk diperolehi, baik melalui radio, televisyen, komputer, MP3 mahupun telefon bimbit.

Menurut Wahid lagi, gelang keroncong merupakan istilah yang digunakan sebelum muzik keroncong. Ukulele merupakan alat muzik asal bagi muzik keroncong. Ukulele diiringi oleh tempurung kelapa,



Penulis bersama-sama Wahid (kiri).



Wahid sedang bermain ukulele.

kentung buluh dan sebagainya. Pada awal abad ke-16, alat muzik rebana dimasukkan ke dalam alat muzik keroncong. Kemudian dimasukkan pula alat muzik mandolin, tetapi hanya bertahan sehingga abad ke-19 sahaja.

Pada tahun 1930, harmonika digunakan sebagai alat yang memainkan melodi. Kemudian

violin pula digunakan sebagai alat untuk memainkan melodi. Seterusnya rebana digantikan dengan petikan gitar. Pada tahun 1934, gitar digantikan dengan selo yang dipetik secara pizzicato. Pada akhir tahun 1940, flut dan tenor banyo (cak) dimasukkan ke dalam ensemble keroncong.

Akhirnya alat muzik keroncong terdiri daripada tujuh jenis, violin, flut, gitar, ukulele (cuki), tenor banyo (cak), selo dan dabel bes.

Kumpulan Keroncong Gema Sari menggunakan ketujuh-tujuh jenis alat muzik itu, yang


AKHIRNYA ALAT MUZIK KERONCONG TERDARI PADA TUJUH JENIS, VIOLIN, FLUT, GITAR, UKULELE (CUKI), TENOR BANYO (CAK), SELO DAN DABEL BES.

kesemuanya berasal dari Eropah. Kesenambungan alat ini sangat penting kerana saling memerlukan. Setiap alat akan memainkan rentak masing-masing kerana setiap alat itu mempunyai peranan masing-masing.

Kata Wahid, pemain keroncong haruslah bersefahaman dengan pemain alat pembawa melodi yang satu lagi supaya tidak timbul pertelingkahan sesama sendiri.



Persembahkan Kumpulan Gema Sari pada sekitar tahun 2008.



Penyanyi terkenal yang pernah diringi oleh Kumpulan Gema Sari termasuklah Dato' Ahmad Jais, Ana Rafali dan Samsudin Lamin.

Jika tidak, hasil persembahan akan menjadi tidak kemas dan kurang teratur. Biasanya masing-masing akan muncul ke tengah atau bermain secara solo untuk membawa melodi atau meneruskan permainan secara perlahan di belakang atau tidak seharusnya menonjol. Hal ini sama juga dilakukan semasa penyanyi sedang bernyanyi.

Pada kebiasaannya, pemain violin berperanan sebagai pemimpin. Dia akan memainkan melodi apabila berhenti sementara daripada bernyanyi di tengah-tengah lagu. Pemain violin juga haruslah mengkaji dan memahami

cara untuk mengiringi muzik yang bercorak keroncong, iaitu adanya not hiasan (bunga) asli yang digunakan dalam permainan muzik keroncong sahaja. Corak yang pelbagai ini diperoleh daripada penghayatan oleh seorang pemain violin terhadap seni muzik keroncong melalui pengalaman atau pendedahan kepada seni itu.

Ujar Wahid lagi, belum ada lagi teori mengenainya, seperti yang terdapat dalam cara *at leap* dalam muzik Barat. Pada masa ini, sudah ada percubaan untuk menulisnya dengan menggunakan notasi muzik, tetapi hal ini agak susah kerana setiap pemain bermain mengikut caranya tersendiri, yakni mengikut coraknya yang bebas.

Di Selangor, ada beberapa buah kumpulan penggiat seni

muzik keroncong yang masih aktif mempersembahkan irama keroncong dalam setiap persembahan mereka. Kumpulan penggiat tersebut termasuklah Kumpulan Warisan, yang diketuai oleh Mohd. Khir Ghazali yang bertapak di Sijangkang, Telok Panglima Garang, dan Kumpulan Sri Gabungan Keroncong Moden, pimpinan Bunadi Ridzuan di Jenjarom.

Kumpulan lain ialah Kumpulan Seri Warisan Cempuling Moden yang diketuai oleh Abdul Rahman Basuni yang bertapak di Olak Lempit, Banting, Kumpulan Gema Irama yang dipimpin oleh Bakri Darus di Meru, Klang, Kumpulan Keroncong Lukisan yang diterajui oleh Samsudin Mohammad di Ampang, Kumpulan Keroncong Bunga Mawar pimpinan Mohd. Yatim Shukur di Bestari Jaya, Kumpulan Keroncong Carmala yang diketuai oleh Hashim Malek di Shah Alam, dan Kumpulan Keroncong Port Klang yang dipimpin oleh Harry Ismail di Pelabuhan Klang. 08